

105 Peserta Sertai Persidangan Pertanian Antarabangsa di Sandakan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 03 Oktober 2018 12:57 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 862

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

RABU, 03 OKTOBER – Seramai 105 peserta terdiri daripada ahli akademik, pengamal industri dan para penyelidik pelbagai cabang sains pertanian menyertai *International Conference on Sustainable Agriculture (ICSA) 2018* yang berlangsung di Fakulti Pertanian

Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Sandakan baru-baru ini.

Bertemakan ‘Agriculture: For a Better Future’, persidangan selama dua hari itu merupakan anjuran UMS dengan kerjasama Universiti Tokushima, Jepun; Institut Pertanian Bogor, Indonesia; Universiti Pertanian Bangladesh; Persatuan Genetik Malaysia; dan Politeknik Sandakan.

Majlis perasmianya disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Berucap pada majlis itu beliau berkata, wacana intelektual tersebut diharap dapat mencari jalan penyelesaian terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi dalam bidang pertanian.

“Malaysia pada umumnya dan Sabah khususnya memerlukan penyelesaian yang berdaya maju untuk menangani pelbagai cabaran dalam pertanian demi meningkatkan produktiviti serta mengekalkan kemapanan.

“Justeru, penganjuran persidangan ini amat bertepatan apatah lagi ia menampilkan tiga penyelidik terkemuka yang turu menyampaikan tiga ucapatama berkisarkan perkembangan terbaru dalam bidang sains dan teknologi pertanian,” katanya.

Tiga penyelidik tersebut ialah Profesor Sr. Gs. Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff C.Eng. dari Smart Farming Technology Research, Universiti Putra Malaysia (UPM); Profesor Dr. Osumanu Haruna Ahmed dari UPM Kampus Bintulu; dan Pengarah Sistem Penyelidikan Pertanian, Universiti Pertanian Bangladesh, Prof. Dr. M.A.M Yahia Khandoker.

Program selama dua hari itu turut diisi dengan sesi perbincangan *International Agriculture Lightning Talk* sebagai medan perkongsian pengalaman dan idea antara pensyarah dan pelajar-pelajar UMS, petani tempatan serta petani dari Tokushima, Jepun.

Universiti Pertanian Bangladesh turut diumumkan sebagai tuan rumah ICSA 2019 pada September tahun hadapan.